

# ESSCOM keluar 21 senarai warga asing dikehendaki

Semua suspek dipercayai terbabit jenayah rentas sempadan

Hazsyah Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Lahad Datu:** Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) mengeluarkan senarai terkini 21 suspek warga asing yang dikehendaki kerana terbabit jenayah rentas sempadan di perairan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE).

Komander ESSCOM, Datuk Hazani Ghazali, berkata antara di-senarai termasuk tiga suspek baharu yang dikehendaki iaitu Ketua Jemaah Group Zamboanga De Nort; Ustaz Mamay Aburi; Ketua Ajang-Ajang Group, Basaron Arok dan ahli kumpulan 'Apo Mike' iaitu Alvin Yusof @ Arab Puti.

"Mamay Aburi antara individu terbabit dalam insiden tembakan bot Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah di Semporna pada Disember tahun lalu, manakala Basaron Arok adalah ketua kumpulan culik untuk tebusan (KFR) Ajang-Ajang, yang terbabit kes culik nelayan di perairan Pegasus Reef di Kinabatangan antaranya pada Disember 2018.

"Arab Puti pula dipercayai ahli kumpulan KFR di bawah Apo Mike yang berperanan sebagai pengawal tebusan di kawasan Indanan, Filipina sejak 2016," katanya melalui kenyataan media, di sini, semalam.

Hazani berkata, semua 21 individu disenarai itu dipercayai terbabit kegiatan kumpulan KFR di Pantai Timur Sabah berdasarkan siasatan dijalankan pi-

**DIKEHENDAKI BAGI MEMBANTU SIASATAN KES-KES JENAYAH DI ESSZONE**

						
						
						


**ESSCOM**  
 Eastern Sabah Security Command  
 BILIK GERAKAN ESSCOM  
 TEL : 089-863181/016 WHATSAPP : 013-8803585/019-2305909

**Senarai penjenayah** rentas sempadan dan penculikan dikeluarkan ESSCOM.

haknya dan pengesahan pasukan keselamatan Filipina.

"Semua individu ini aktif merancang jenayah sepanjang tahun lalu dan dipercayai masih beroperasi hingga kini. Mereka dikehendaki bagi membantu siasatan kes di pantai timur Sabah," katanya.

Selain tiga nama di atas, 18 lagi membabitkan nama sedia ada seperti mana senarai individu dikehendaki dikeluarkan ESSCOM sebelum ini.

Mereka ialah Hatib Hajan Sawadjan, Apo Mike @ Majan Sahidjuan, Al Munjir Yadah, Ra-

**Individu disenarai itu dipercayai terbabit kegiatan kumpulan culik untuk tebusan di Pantai Timur Sabah berdasarkan siasatan ESSCOM.**

**Hazani Ghazali,**  
Komander ESSCOM

den Abuh, Marajang Manajan Asiri, Sangbas @ Anjang, Hamsan Pakkan @ Black Cobra, Sabri Madrasul @ Salip Jul, Salip Mura, Indang Susukan, Ben Tatoh Quirino, Titing Alihasan @ Iyot Panday, Jul @ Jun Hasan, Jul Aksan Abdurajan @ Halimaw, Tampi @ Bunju, Long Sahirin, Halipa Ibrahim dan Hai-bin Mubin.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan individu disenaraikan itu, boleh menghubungi Bilik Gerakan ESSCOM di talian 089-863181 atau WhatsApp di nombor 013-8803585 atau 019-2305909.